



KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KUALITI HIDUP BERKELUARGA SEIRING PEMBANGUNAN NEGARA

PUTRAJAYA, 18 NOVEMBER - Kementerian ini merujuk kepada tajuk artikel daripada **Says.com**, bertarikh **26 Mei 2015 "Rakyat Malaysia: Lahirkan anak dahulu, jangan fikirkan kualiti hidup lagi"** yang dipetik dari kenyataan YB Dato' Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **bahawa rakyat Malaysia perlu mengabaikan kualiti hidup jika mahu mempunyai keluarga yang besar.**

KPWKM dengan ini ingin memaklumkan bahawa kenyataan YB Menteri telah disalah lapor (misquoted) oleh pihak berkaitan. Sehubungan dengan itu, Kementerian ingin MENAFIKAN kenyataan tersebut dan ingin menegaskan bahawa YB Menteri dan KPWKM amat mementingkan kualiti hidup dalam merancang bilangan anak dalam keluarga dan pertambahan bilangan anak haruslah seiring dengan kualiti hidup serta tahap ekonomi keluarga demi kesejahteraan keluarga tersebut juga.

Walaubagaimana pun, pada ketika ini, negara sedang mengalami penurunan dalam kadar kesuburan malah terdapat kemungkinan bahawa dalam masa terdekat, kadar kesuburan boleh jatuh ke paras yang rendah seperti di kebanyakan negara Asia Timur seperti Jepun, Korea Selatan dan Singapura. Keadaan ini akan menyebabkan populasi negara tidak dapat berkembang dengan baik dan sekiranya tiadak ditangani dengan baik, kadar kesuburan ini boleh jatuh dibawah paras penggantian (replacement rate) dan akan memberi kesan kepada perkembangan ekonomi serta kestabilan sosio-budaya.

Sehubungan itu, Kementerian bertanggungjawab untuk memastikan struktur populasi dan masyarakat yang dinamik sejajar dengan proses pemodenan yang dialami. Bagi memastikan kesejahteraan keluarga dipelihara, KPWKM telah menggubal dan melaksanakan Dasar Keluarga Negara (DKN) dengan tujuan untuk membangunkan institusi kekeluargaan yang kukuh, sejahtera dan berdaya tahan. Selain itu, kerajaan juga telah menjalankan beberapa inisiatif dan manfaat yang

secara tidak langsung dapat menyumbang kepada kenaikan kadar kesuburan. Antara inisiatif dan manfaat yang disediakan oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- i) Inisiatif dan manfaat bagi Penjawat Awam :
 - a. Perkhidmatan rawatan kesuburan secara percuma kepada pasangan yang mengalami masalah kesuburan;
 - b. Cuti bersalin dinaikkan dari 60 hari kepada 90 hari sejak awal tahun 2011 bagi penjawat awam;
 - c. Cuti bagi penjawat awam lelaki ditingkatkan daripada 3 hari kepada 7 hari apabila isteri bersalin;
 - d. Geran sebanyak RM200,000 untuk membuka pusat-pusat asuhan dan penjagaan kanak-kanak kepada agensi-agensi kerajaan yang menyediakan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja;
- ii) Inisiatif dan manfaat bagi sektor swasta;
 - a. Memudahkan akses kepada keluarga dan perkhidmatan kesihatan reproduktif;
 - b. Program waktu kerja fleksibel atau dikenali sebagai FlexWorkLife.my diperkenalkan dengan kerjasama antara KPWKM dan Telentcorp untuk memberikan penyelesaian kepada wanita yang berhadapan dengan konflik diantara cabaran waktu kerja dengan komitmen keluarga/peribadi;
 - c. Majikan dari sektor swasta yang menubuhkan pusat-pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja akan diberikan pengurangan cukai 10% setahun dan di sediakan kos untuk tempoh 10 tahun;
 - d. Pengecualian cukai 100 peratus untuk mana-mana syarikat di atas perbelanjaan penganjuran hari keluarga untuk kakitangan mereka. Beberapa program perkhidmatan keluarga yang ditawarkan oleh LPPKN adalah:-
 - i. Parenting@Work (keibubapaan)

- ii. SmartStart (Pra-Perkahwinan)
- iii. SMARTbelanja@LPPKN (Pengurusan kewangan keluarga)
- iv. kafe@Teen (Pusat interaktif remaja)
- v. Klinik Kesuburan (Perkhidmatan klinikal kesuburan dan perancangan keluarga)

Kesemua insentif ini diwujudkan oleh kerajaan bagi meningkatkan kadar kesuburan tetapi pada masa yang sama memastikan kualiti hidup bekeluarga dipelihara dalam usaha untuk menambah bilangan anak dalam keluarga.

Disediakan Oleh:

**Unit Komunikasi Korporat & Bahagian Dasar
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.**

Disediakan oleh:

❖ Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat
Aras 35, No. 55, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya.
☛ No.Telefon: 03-8323 1087
No.Faks : 03-8323 2012
✉ E-mel : info@kpwkm.gov.my

ADUAN KRISIS MASYARAKAT
TALIAN *Kasih*
15999



<http://www.kpwkm.gov.my>



<https://www.facebook.com/kpwkm>



<https://twitter.com/KPWKM>



<https://www.instagram.com/kpwkm>



<https://www.youtube.com/user/KPWKMINFO>